

Membina 'jambatan' baru

Oleh Hanif Hadi

MEDIA Amerika Syarikat tidak langsung menyentuh pertemuan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dan Presiden Bill Clinton Sabtu lalu. Tidak ada sebaris ayat pun disebut mengenai lawatan Perdana Menteri; baik pujian Clinton terhadap Mahathir mahupun intipati perbincangan kedua-dua pemimpin itu. Barangkali ia disebabkan lawatan itu tidak rasmi. Atau media Amerika tidak menghidu sesuatu yang kontroversi (walaupun banyak wartawan, termasuk wartawan khusus di White House hadir). Sebaliknya, media Amerika lebih tertumpu kepada perbincangan rang undang-undang mengharamkan pemilikan senjata berbahaya dan kes Michael Fay.

Bagaimanapun, ini tidak mengurangkan minat mereka terhadap Dr Mahathir, yang mereka kenali sebagai pemimpin Asia yang begitu lantang

bersuara. Berdasarkan kenyataan dan kritikan bertalu-talu Dr Mahathir terhadap Amerika dan Barat, pertemuan di Oval Office, Rumah Putih Sabtu lalu, sepatutnya hangat. Itulah jangkaan umum.

Dr Mahathir memang seorang yang berwibawa. Ini diketahui oleh Clinton dan sebagai pemimpin yang cekap membaca suasana, Presiden Amerika itu tidak segan-silu memuji Dr Mahathir. Menurutnya, beliau mengkagumi kepimpinan Perdana Menteri Malaysia itu dan memuji kejayaan Malaysia di bawah pimpinan Dr Mahathir.

Mengapa? Jawapannya mudah. Clinton sedar Dr Mahathir adalah pemimpin Asia yang harus dihormati. Beliau dikagumi di Asean, Asia dan juga negara Selatan. Clinton juga arif bahawa untuk memperkukuh hubungan dengan Malaysia, Asean, Asia dan negara Selatan, beliau perlu

menambat hati Dr Mahathir kerana pemimpin Malaysia itu mempunyai pengaruh besar di negara-negara terbabit.

Lantas, pertemuan ini digunakan untuk merapatkan perbezaan pendapat, mengeratkan kemesraan dan menjalin perdamaian. Seorang wartawan Jepun yang bertugas di Washington memberikan pendapatnya: "I see this meeting as a move towards reconciliation. Nothing much to achieve but a big step for both leaders to start afresh."

Mengapa perlu mengurangkan ketegangan? Jawapannya juga mudah. Amerika mahu berbaik-baik dan mencari rakan di Asia Pasifik. Kritikan-kritikan negara Asia dari Jepun hingga ke Singapura dan Australia terhadap Amerika nyata boleh memusnahkan imej dan pengaruh negara itu.

Inilah strategi baru Amerika. Seperti yang dinyatakan oleh Menteri Muda Perdagangan

Amerika, Jeffrey Garten: "We in America need to reconceptualise our overall strategy in Asia. Looking to the Pacific is not a political or foreign policy choice. It is not simply an economic imperative. Rather, it is Americas destiny." (Amerika perlu menilai semula keseluruhan strategi di Asia. Pasifik bukan lagi pilihan politik atau dasar luar negara. Ia juga bukan sekadar berkepentingan ekonomi. Ia adalah nasib dan takdir Amerika.

Begitulah hebatnya kepentingan Asia Pasifik bagi Amerika. Demi kepentingan itulah Amerika perlu melakukan sesuatu untuk meleraikan segala kekusutan yang telah mereka lakukan di rantau itu. Memanglah Amerika tidak mempunyai cara mudah untuk melakukannya. Clinton tahu akan hal itu dan apabila bertemu Dr Mahathir, beliau menggunakan kesempatan itu

dengan Amerika

untuk menambat hati Perdana menteri Malaysia itu.

Minda Clinton sekarang sarat dengan masalah China. Bagaimanakah Clinton boleh mencari jawapan bagi soal hak asasi manusia di China tanpa menjejaskan peluang perdagangan yang besar bagi usahawan Amerika.

Menjelang 3 Jun, Clinton mesti memutuskan sama ada China sudah memperbaiki rekod hak asasi manusianya untuk membolehkannya terus menerima status perdagangan Most Favoured Nationnya (MFN). Clinton menghadapi dilema di sini.

Jika Clinton membenarkan status tarif rendah yang berterusan terhadap barangan China, Kongres Amerika akan buat bising dan media Amerika pula akan menyifatkannya satu lagi janji kempen Clinton yang tidak tertunai. Andainya Clinton membatalkan MFN, perdagangan akan

terjejas dan media ekonomi Amerika akan mengkritik beliau sebagai presiden tiada wawasan.

Selain itu, Clinton juga menghadapi masalah mengenakan tekanan terhadap Jepun untuk memaksanya membuka ekonominya kepada dunia tanpa menjejaskan kerajaan Jepun yang masih tidak stabil. Barangkali kerana dihipit oleh tekanan dari Asia Pasifik, Clinton mendapatkan pandangan Dr Mahathir mengenai hubungan Amerika dan Asia. Jaminan Clinton ialah Amerika tidak mahu mengamalkan dasar menekan tetapi ingin mewujudkan perkongsian bermakna dengan Asia. Cuma yang malang, pegawai-pegawai Amerika bersikap memulas tangan (arm twisting) dalam rundingan yang mereka jalankan.

Negara-negara rantau Asia tidak gusar dengan kritikan, kata Dr Mahathir. Tetapi ha-

rus ada perbezaan di antara kritikan dan tekanan. Budaya Asia amat tinggi dan ini harus difahami oleh perunding-perunding Amerika.

Amerika juga wajar memahami bahawa Asia mempunyai kelebihan untuk bersaing seperti upah buruh yang murah dan ini tidak harus dijadikan bahan oleh Amerika untuk mengenakan tekanan. Ini tentulah pendekatan yang tidak adil.

Apapun, Clinton begitu berminat mendengar nasihat dan pandangan Dr Mahathir. Soalnya, apakah beliau menden- garkan dengan hati terbuka. Atau sekadar bersandiwara seperti yang sering dilakukan oleh diplomat. Pertemuan Clinton dan Dr Mahathir itu adalah peluang untuk membina jambatan persefahaman Amerika-Asia. Kita harap Clinton akan memahaminya jika mereka percaya Asia Pasifik adalah destiny Amerika.